

**Wan Azizah terus didesak jawab tuduhan
Utusan Online
17 April, 2012**

KUALA LUMPUR 16 April - Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (gambar) dan anaknya, Nurul Izzah Anwar terus didesak membuat sidang akhbar bersama Shamsidar Taharin bagi menjawab pelbagai tuduhan yang dikaitkan dengan mereka.

Pengarah Kebangsaan Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Noraini Abd. Khalil Saferi berkata, rakyat tertunggu-tunggu jawapan mereka yang sehingga kini masih berdiam diri.

"Ramai yang membuat persepsi bahawa Wan Azizah tahu segala-galanya, cuma berlakon seolah-olah tidak tahu demi kepentingan politik.

"Kita akan lihat bagaimana beliau sekali lagi memutar belit pemikiran rakyat apabila tampil menjawab tuduhan itu nanti," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Baru-baru ini, Ahli Dewan Negara, Datuk S. Nallakaruppan mendakwa Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai hubungan sulit dengan Shamsidar selain merupakan seorang biseksual.

Berikutan itu pelbagai pihak mendesak Wan Azizah dan Shamsidar yang merupakan isteri kepada Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali menjawab tuduhan mengenai salah laku Anwar tersebut.

Bagaimanapun satu sidang akhbar bersama yang diuar-uarkan diadakan minggu lalu dibatalkan pada saat-saat akhir sehingga mengundang rasa tidak puas hati dan menjadi bahan cemuhan di kalangan penyokong pembangkang.

Dalam pada itu, Noraini berkata, ketiga-tiga wanita berkenaan perlu menyangkal segala dakwaan Nallakaruppan kerana rakyat Malaysia mahu mereka menghentikan segala sandiwara dan konspirasi politik yang dikaitkan dengan mereka.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0417&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_03.htm